

558:  
MAHATHIR

1976

ALOR SETAR, 18 APRIL (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU SUPAYA DISEMAI DAN DITIMBULKAN SEMANGAT PERLUMBAAN DI KALANGAN RAKYAT TERUTAMA ORANG-ORANG KAMPUNG UNTUK MENJAMIN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG LEBIH PESAT.

DI SAMPING ITU, PEGAWAI KERAJAAN JUGA PERLU LAH MENGUBAH SIKAP MEREKA DARIPADA BERKHIDMAT SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN GAJI KEPADA SIKAP BERKERJA UNTUK MEMESATKAN LAGI PEMBANGUNAN NEGARA.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN DAERAH KUBANG PASU YANG DIBERIKAN OLEH PEGAWAI DAERAH, ENCIK TAJUDDIN HAJI HASHIM DI BILIK GERAKAN DAERAH DI JITRA, 12 BATU DARI SINI.

TURUT HADIR IALAH ISTERI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHAMED ALI, Pengerusi MADA, DATUK SYED NAHAR SHAHABUDDIN, AHLI-AHLI DEWAN NEGERI DI DALAM DAERAH KUBANG PASU DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA DIUBAH SIKAP ORANG-ORANG KAMPUNG DARIPADA SENTIASA BERGANTUNG KEPADA BANTUAN-BANTUAN KERAJAAN KEPADA SIKAP BERDIKARI. — BERSAMBUNG HM 1647

559:  
MAHATHIR 2 ALOR STAR

TEGASNYA, JIKA SESEORANG ITU DIBERI TERLALU BANYAK PERTOLONGAN MAKA IA AKAN MENJADI LEMAH TETAPI SEBALIKNYA KALAU DIA SELALU BERUSAHA SENDIRI UNTUK MENGADAKAN SESUATU KEMUDAHAN, DIA AKAN MENJADI LEBIH KUAT DAN CEKAP.

"OLEH ITU KITA MESTI MENGGALAKKAN MEREKA SUPAYA MENCLONG DIRI SENDIRI.

"DALAM USHAH INI, TIDAK ADA SATU JALAN YANG LEBIH BERKESAN DARIPADA MENIMBULKAN SEMANGAT PERLUMBAAN DI KALANGAN RAKYAT," TAMBANNYA.

INI BOLEH DILAKUKAN DENGAN DIADAKAN SATU PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG ANTARA KAMPUNG-KAMPUNG SELURUH NEGERI INI.

WATANYA, SEGALA BANTUAN DAN KEMUDAHAN ASAS DI MASA HADAPAN HENDAKLAH DIBERIKAN BERASASKAN KEPADA KEPUTUSAN PERTANDINGAN TERSEBUT IAITU BANTUAN-BANTUAN LEBIH DI BERIKAN KEPADA KAMPUNG-KAMPUNG YANG BERJAYA SAHAJA.

INI BERMAKNA SEMUA PEGAWAI KERAJAAN TERPAKSA BEKERJA LEBIH KERAS BAGI MENJAYAKAN PERTANDINGAN ITU SAMBIL MEMPUYAI SIKAP AKAN BERPUASHATI HANYA BILA MELIHATKAN PEMBANGUNAN NEGARA BERJALAN DENGAN PESAT. — BERSAMBUNG HM 1651

560:

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

DR. MAHATHIR BERKATA SELURUH LAPISAN RAKYAT PERLULAM MEMPUNYAI SEMANGAT UNTUK MELIHAT NEGARA INI DITAKDIR SECARA BERKESAN DAN DIDIAM I OLEH ORANG-ORANG YANG SANGGUP MEMBUAT SESUATU BUKAN UNTUK DIRINYA TETAPI UNTUK KEBANGSAAN NEGARA.

TEGASNYA, "KEBANGGAAN NEGARA MERUPAKAN TENAGA PENGGERAK YANG BOLEH MENDORONGKAN RAKYAT SEMUA GOLONGAN BEKERJA LEBIH KUAT UNTUK MENJADIKAN BANGSANYA LEBIH DIKENALI OLEH SELURUH DUNIA."

DR. MAHATHIR YAKIN SEKIRANYA RAKYAT MEMPUNYAI "KEBANGGAAN NEGARA" DAN BEKERJA UNTUK KEPUASAN HATI, MEMBERI KHIDMAT YANG BOLEH MEMBANGUNKAN NEGARA DAN MENOLONG BAIKI TARAF HIDUP, MEREKA AKAN MENCAPAI KEMAJUAN LEBIH PESAT LAGI.

MENERAI PEMBANGUNAN, DR. MAHATHIR BERKATA KEDAH DAPAT DIBANGUNKAN DENGAN LEBIH PESAT MEMANDANGKAN KERAJAAN PUSAT HENDAK MEMBERI SUMBANGAN LEBIH-BESAR KEPADA NEGERI-NEGERI KURANG MAJU SEPERTI NEGERI INI.

KATANYA, SUMBANGAN ITU AKAN DIBERI BERDASARKAN KEPADA SUMBANGAN NEGERI INI KEPADA EKONOMI NEGARA.

-BERSAMBUNG HM 1657

561:

MAHATHIR 4 ALOR STAR

SUMBANGAN INI MUNGKIN TIDAK BEGITU NYATA TETAPI SATU DARIPADA PERKARA YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN IALAH DI MASA INFLASI DAHULU KEDAH TELAN DAPAT MENOLONG MENAHAN KENAIKAN SERTA MENSTABILKAN HARGA BERAS DI SELURUH NEGARA.

JADI DENGAN SEBAB ITU, KERAJAAN PUSAT AKAN MENIMBANG MEMBERI LEBIH BANYAK SUMBANGAN UNTUK MEMESATKAN LAGI PEMBANGUNAN DI NEGERI INI.

TETAPI, DR. MAHATHIR MENGINGATKAN PERTOLONGAN INI TIDAK AKAN BERKESAN MELAINKAN KEDAH DAPAT MENYEDIAKAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG MENGUNTUNGAN DAN SANGGUP PULA MELAKSANAKANNYA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, DALAM MEYEDIAKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN ITU, PERHATIAN JANGRAJAN DITUMPUKAN SEMATA-MATA KEPADA SEKTOR TRADISIONAL, SEPERTI PERUSAHAAN BERASASKAN PERTANIAN.

TETAPI USHAH-USHAH HENDAKLAH JUGA DITUMPUKAN KEPADA PERUSAHAAN PELANCONGAN

IAITU SATU PERUSAHAAN YANG BAIK KERANA DAPAT MEMBAWA KEPADA KEGIATAN EKONOMI YANG BOLEH MENAMBAHKAN PENDAPATAN RAKYAT. -- BERSAMBUNG N

1701

562:

MAHATHIR 5 ALOR STAR

MENURUTNYA, DI DAERAH KUBANG PASU SAHAJA TERDAPAT BEBERAPA KAWASAN YANG SESUAI YANG BOLEH DIMAJUKAN UNTUK MENARIK PELANCONG DARI DALAM DAN LUAR NEGERI.

DISAMPING ITU, TERDAPAT BEBERAPA BUAH BUKIT DALAM DAERAH ITU YANG MENGANDONGI SEJENIS BATU (QUARTZ) YANG BOLEH DIJADIKAN KEPINGAN TERRAZO DAN MUKA MEJA.

APA YANG PERLU DILAKUKAN IALAH USAHA-USAHA UNTUK MENARIK PAKAR-PAKAR DARI UNIT PERANCANG EKONOMI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN SEKTOR SWASTA DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA UNTUK MENKKAJI JENIS-JENIS PERUSAHAAN YANG BOLEH DIJALANKAN DI KAWASAN ITU.

DI SAMPING ITU, KAJIAN JUGA PERLU DIJALANKAN TENTANG KEKUATAN TENAGA PEKERJA YANG TERDAPAT DI KAWASAN ITU.

BELIAU YAKIN SEKIRANYA SEGALA USAHA ITU DIJALANKAN, KEDAH AKAN MENCAPAI KEMAJUAN LEBIH PESAT DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN EKONOMI.

-BERNAMA HM 1707